

Artikel

**Kesan Penglibatan Program Kesukarelawanan dalam Kalangan Pelajar Universiti:
Analisis Literatur Sistematis**

*(The Impact of Participation in Volunteer Programs among University Students:
A Systematic Literature Analysis)*

Nur Fazirin Roslan & Noremy Md. Akhir*

Program Kerja Sosial, Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: noremy@ukm.edu.my

Diserah: 30 November 2025 / Diterima: 30 Januari 2026

Abstrak: Perkembangan dunia teknologi telah memberi kesan negatif kepada kurangnya penglibatan mahasiswa dalam aktiviti bermasyarakat. Kajian yang terhad terhadap kesan penglibatan dalam aktiviti sukarelawan menyebabkan kurangnya kesedaran terhadap faedah yang diperoleh melalui aktiviti kesukarelawanan. Oleh itu, analisis literatur sistematik (Systematic Literature Review- SLR) dilaksanakan dalam kajian ini dengan menumpukan kesan penglibatan program kesukarelawanan dalam kalangan pelajar universiti di Malaysia. Pangkalan data yang digunakan terdiri daripada *Scopus*, *Web of Science (WOS)*, *MyCite* dan *Google Scholar*. Artikel yang dipilih berdasarkan tahun 2021 hingga 2025 dengan pemilihan artikel berpandukan protokol *ROSES (Reporting Standards for Systematic Evidence Syntheses)*. Terdapat 13 artikel jurnal yang telah dipilih berdasarkan kriteria yang ditetapkan. Tema-tema yang wujud melalui ulasan ini terdiri daripada enam tema iaitu pembangunan sahsiah, pembangunan kepimpinan, kemahiran insaniah, kesedaran sosial dan tanggungjawab sivik, kebolehpasaran serta nilai positif dalam diri. Dengan merujuk sorotan literatur bersistematik ini, para pembaca khususnya mahasiswa dan pihak berkepentingan dapat mengetahui kesan penglibatan para pelajar dalam aktiviti sukarelawan. Penglibatan mahasiswa dalam dunia sukarelawan semestinya memberi kesan yang positif kepada pembangunan diri sejajar dengan perkembangan dunia teknologi.

Kata kunci: Sukarelawan; pembangunan sahsiah; pembangunan kepimpinan; kemahiran insaniah; tanggungjawab sivik.

Abstract: The advancement of technology has had a negative impact of student involvement in community activities. Limited studies on the effects of participation in volunteer activities have led to a lack of awareness of the benefits gained through volunteerism. Therefore, a Systematic Literature Review (SLR) was conducted in this study by focusing on the impact of volunteering program participation among university students in Malaysia. The databases used consisted of *Scopus*, *Web of Science (WOS)*, *MyCite* and *Google Scholar*. The articles selected were based on the years 2021 to 2025 with the selection of articles guided by the *ROSES (Reporting Standards for Systematic Evidence Syntheses)* protocol. A total of 13 journal articles were selected based on established criteria. The themes that emerged from this review consisted of six themes: personal development, leadership development, human development, social awareness and civic responsibility, self-reliance and positive personal values. Through this systematic literature review, readers-particularly students and relevant stakeholders can learn about the impact of student involvement in volunteer activities. Student engagement in volunteerism certainly contributes positively to personal development, in line with the progress of today's technological world.

Keywords: Volunteerism; character development; leadership development; soft skills; civic responsibility.

Pengenalan

Program sukarelawan merujuk kepada aktiviti yang dilakukan oleh individu bersama komuniti secara sukarela. Menurut Kamus Dewan (2005), perkataan “sukarela” membawa maksud “dengan kehendak sendiri, tidak dipaksa, tidak digerakkan dan dengan rela hati”. Manakala sukarelawan pula ditakrifkan sebagai satu bentuk kerja tanpa bayaran serta dilakukan secara sukarela dalam suatu organisasi (Rozita et al., 2022). Oleh itu, individu menyertai program sukarelawan tanpa dipaksa oleh mana-mana individu. Aktiviti yang dilakukan oleh sukarelawan meliputi pelbagai aspek seperti pembangunan komuniti, pendidikan, kesihatan, sosioekonomi, pertanian, alam sekitar, bencana, kebajikan, perpaduan dan banyak lagi (Noorashikin et al., 2021). Pelbagai bentuk bantuan yang boleh disumbangkan oleh masyarakat untuk menyumbang bakti kepada bangsa dan negara.

Namun, senario pada hari ini menunjukkan bahawa penglibatan masyarakat dalam aktiviti sosial semakin luntur khususnya dalam kalangan pelajar. Amalan tradisi berkongsi dan menolong semakin terhakis pada zaman moden ini (Nor Shafikah & Norlaile, 2021). Kemajuan dan kecanggihan teknologi memberi impak negatif terhadap interaksi sosial serta mempunyai perasaan rendah diri dan hilang keyakinan dalam menghadapi kehidupan seharian (Sarawati et al., 2023). Individu yang mengalami ketagihan menggunakan telefon bimbit pula akan memberi kesan terhadap aktiviti harian termasuklah memberi kesan negatif terhadap kesejahteraan psikologi (Muhammad Audi & Suzana, 2024). Penggunaan media sosial dan gadget elektronik yang berlebihan akan menyebabkan golongan belia tidak berminat dengan aktiviti sosial di luar rumah (Azlina et al., 2022). Di samping itu, terdapat kajian yang menunjukkan penghayatan nilai empati dan sikap prihatin terhadap komuniti yang sederhana dalam kalangan pelajar (Nur Fatin & Saipol, 2021). Semangat sukarela perlu dibudayakan di universiti kerana pada waktu ini mereka terdedah dengan persekitaran kehidupan di universiti yang memerlukan mereka untuk berdikari, mandiri dan saling membantu (Intan Suria et al., 2022).

Institusi pendidikan mempunyai peranan yang penting dalam mendorong kecemerlangan pelajar dalam pelbagai aspek bagi memastikan kemenjadian pelajar yang holistik dalam pelbagai bidang. Penglibatan para pelajar terhadap aktiviti sukarelawan merupakan salah satu cara untuk meningkatkan kemenjadian pelajar khususnya dalam menimba pelbagai kemahiran dan pengalaman (Intan Suria, 2022). Usaha yang semakin proaktif dalam bidang kesukarelawanan di peringkat universiti dapat dilihat dengan penganjuran pelbagai aktiviti kemasyarakatan. Hal ini bertepatan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2021-2025 (Pendidikan Tinggi) yang memfokuskan dalam menghasilkan graduan yang mempunyai ilmu, akhlak, tingkah laku, set minda dan adab untuk menjadi insan yang mulia di sisi negara (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2022). Namun, pelbagai pihak perlulah melakukan tinjauan sejauh mana nilai-nilai tersebut berjaya diterapkan dalam diri para pelajar.

Seterusnya, penglibatan para pelajar dalam aktiviti sukarelawan semestinya memberi impak yang sangat bernilai kepada negara kita. Program sukarelawan dapat meningkatkan nilai kemanusiaan dalam diri para pelajar. Penyertaan dalam aktiviti sukarelawan oleh para pelajar dapat membentuk individu yang bertanggungjawab terhadap masalah sosial yang berlaku disekelilingnya (Nor Hayati et al., 2023). Hal ini turut membantu memupuk sikap suka menolong terhadap semua kaum dan tidak mengira latar belakang sosioekonomi (Noorashikin et al., 2021). Norsela et al. (2021) turut menggalakkan penyertaan pelajar dalam aktiviti sukarela supaya meningkatkan penguasaan kemahiran generik. Namun, jumlah penyertaan golongan belia masih berada pada tahap sederhana dan memuaskan (Shaqiran & Mahadee, 2024). Hal ini dapat disimpulkan bahawa kesedaran terhadap manfaat yang diperoleh daripada penglibatan diri dalam aktiviti sukarelawan masih berada pada tahap rendah.

Kajian mengenai aktiviti sukarelawan telah banyak ditelusuri oleh para penyelidik. Di Malaysia, kajian aktiviti sukarelawan lebih meluas dikaji dalam bidang pendidikan (Intan Suria, 2022; Mohamad Basri et al., 2021). Kajian terhadap impak aktiviti sukarelawan yang memfokuskan bidang kerja sosial masih terhad dibincangkan oleh penyelidik. Di samping itu, kajian berbentuk analisis artikel sukarelawan yang terperinci

kurang dilakukan oleh para penyelidik. Kajian berbentuk SLR dapat membantu mengumpulkan artikel-artikel yang berkaitan berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan oleh penyelidik (Wondimagegn, 2020). Pengumpulan artikel ini dapat mengisi kelompondan kajian sukarelawan dalam bidang kerja sosial. Para penyelidik dapat menggunakan tema-tema yang terhasil bagi memperluaskan kajian sukarelawan yang mampu menyumbang penyelidikan dalam bidang kerja sosial. Pada waktu yang sama, kajian berkaitan aktiviti sukarelawan perlu dilakukan bagi memastikan penglibatan golongan pelajar dalam aktiviti sukarelawan dapat ditingkatkan melalui kesedaran terhadap manfaat-manfaat yang diperoleh apabila menyertai aktiviti sukarelawan. Justeru, analisis literatur sistematik ini dilakukan oleh pengkaji bagi mengenalpasti kesan program sukarelawan terhadap pelajar universiti di Malaysia.

Metodologi

Kajian ini berdasarkan kaedah tinjauan sistematik (SLR). Langkah-langkah bagi mencari, menilai dan mempersembahkan data daripada pelbagai sumber literatur yang dipilih dilaksanakan dengan teliti apabila menggunakan SLR ini. Protokol ROSES dipilih sebagai panduan untuk menganalisis SLR ini. Berpanduan ROSES, permulaan penulisan SLR adalah pembentukan persoalan kajian. Kaedah PICO telah digunakan oleh penyelidik bagi membentuk persoalan kajian ini. "P" merujuk kepada masalah atau populasi, "I" (minat atau bidang tumpuan) dan "Co" (konteks) (Lockwood et. al., 2015). Berdasarkan panduan ini, penyelidik menggunakan tiga aspek utama iaitu P (kesan yang dilalui), I (penglibatan dalam aktiviti sukarelawan) dan Co (pelajar universiti di Malaysia). Penyelidik merumuskan bahawa persoalan kajian utama ialah: "Apakah kesan penglibatan aktiviti sukarelawan dalam kalangan pelajar universiti di Malaysia?". Melalui saranan Shafril et. al (2019) terdapat tiga proses bagi pencarian artikel secara bersistematik iaitu identifikasi, saringan dan kelayakan. Pelaksanaan proses ini membolehkan penyelidik menjalankan SLR yang teratur dan telus sehingga memperoleh tema yang merungkaikan kesan penglibatan aktiviti sukarelawan dalam kalangan pelajar universiti di Malaysia.

Identifikasi

Pencarian dilakukan dengan menggunakan pangkalan data utama iaitu Scopus, Web of Science (WOS) dan Mycite serta pangkalan data tambahan melalui Google Scholar. Kata kunci yang digunakan bagi mencari artikel yang berkaitan seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1. Penyelidik turut menggunakan gabungan kata kunci seperti operator Boolean bagi mendapatkan hasil carian. Sebanyak 10 122 artikel yang ditemui daripada semua pangkalan data yang dicari oleh penyelidik.

Jadual 1. Kata kunci pencarian artikel

Pangkalan Data	Kata Kunci
Scopus, WOS, Google Scholar	("volunteer program*" OR "volunteering activity*" OR "community service") AND ("university student*" OR "undergraduate*" OR "college student*") AND ("impact" OR "effect*" OR "influence" OR "benefit*" OR "outcome*") AND ("Malaysia" OR "Malaysian universit*")
Google Scholar	("program sukarelawan" OR "aktiviti kesukarelawanan" OR "volunteer program*" OR "volunteering activity*" OR "community service") AND ("pelajar universiti" OR "mahasiswa" OR "university student*" OR "undergraduate*" OR "college student*") AND ("kesan" OR "impak" OR "manfaat" OR "impact" OR "effect*" OR "benefit*" OR "influence") AND ("Malaysia" OR "universiti di Malaysia" OR "Malaysian university*")
My cite	Kesan sukarelawan

Penyaringan

Pada peringkat penyaringan, kriteria pemilihan artikel telah ditetapkan bagi memastikan artikel yang diperolehi menepati kriteria kajian. Berdasarkan jadual 2, penyelidik telah menetapkan keseluruhan kriteria penerimaan dan penolakan artikel yang mengandungi kriteria penyaringan seperti tahun terbitan, jenis bahan


rujukan dan bahasa yang digunakan. Pemilihan artikel dihadkan bagi memastikan artikel yang dipilih masih relevan dengan isu-isu terkini. Pencarian artikel turut mengambil kira jenis bahan rujukan supaya bahan rujukan mempunyai pelaporan yang lengkap.

Jadual 2. Kriteria penerimaan dan penolakan artikel

Kriteria Penyaringan	Penerimaan	Penolakan
Tahun Penerbitan	Mula dari 2021 hingga 2025	Tidak menerima artikel sebelum 2021
Jenis Bahan Rujukan	Artikel jurnal	Tesis PhD, Prosiding persidangan, blog, buku
Bahasa	Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu	Selain Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu

Kelayakan

Kesahan dan kerelevanan artikel ini dikenalpasti melalui pemeriksaan secara manual oleh penyelidik melalui pembacaan tajuk, abstrak atau keseluruhan artikel. Setelah melakukan proses tersebut, sejumlah 10 122 buah artikel diterima serta 10 072 buah artikel dikeluarkan kerana tidak menepati kriteria pemilihan artikel yang telah ditetapkan. Oleh itu, terdapat 50 artikel yang dikekalkan selepas proses saringan. Di samping itu, sebanyak 12 artikel bertindih dikeluarkan. Di peringkat kelayakan, 38 buah artikel dipilih untuk dimuat turun bagi pembacaan teks penuh artikel supaya artikel yang dipilih mempunyai kaitan dengan skop kajian SLR yang dikaji. Hasil daripada proses ini sebanyak 25 artikel telah dikeluarkan. Faktor artikel tersebut dikeluarkan ialah fokusnya tidak terarah kepada pelajar yang menyertai sukarelawan, luar bidang kajian serta artikel tidak boleh diakses. Sebanyak 13 buah artikel telah dipilih bagi melalui proses kualiti serta melalui proses ekstrak data. Rajah 1 menunjukkan proses pemilihan artikel pengkaji melalui model ROSES.



Rajah 1. Carta Alir ROSES

Penilaian kualiti

Alat Penilaian Kaedah Campuran (MMAT) telah digunakan oleh penyelidik dalam menentukan penilaian kualiti artikel yang diterima. Alat MMAT ini dapat membantu memfokuskan SLR kepada kriteria-kriteria

seperti kesesuaian soalan penyelidikan, ketepatan pengumpulan data yang berkualiti untuk menangani soalan-soalan penyelidikan serta koheren antara sumber data kuantitatif, pengumpulan, analisis dan interpretasi data turut dinilai. Kriteria yang digunakan untuk menentukan ketelitian metodologi dan analisis yang digunakan dalam pilihan artikel adalah seperti yang dinyatakan di dalam jadual 3.

Jadual 3. Kriteria menentukan ketelitian metodologi dan analisis

Reka Bentuk Kajian	Kriteria Penilaian
Kualitatif	QA1- Adakah pendekatan kualitatif sesuai untuk menjawab penyelidikan? QA2- Adakah kaedah pengumpulan data kualitatif mencukupi untuk menangani soalan kajian? QA3- Adakah dapatan diperolehi dengan secukupnya daripada data? QA4- Adakah tafsiran keputusan cukup dibuktikan oleh data? QA5- Adakah terdapat keselarasan antara sumber data kualitatif, pengumpulan data?
Kuantitatif (Deskriptif)	QA1- Adakah strategi pensampelan relevan untuk menangani persoalan kajian? QA2- Adakah sampel mewakili populasi sasaran? QA3- Adakah ukuran sesuai? QA4- Adakah risiko bias tidak bertindak balas rendah? QA5- Adakah analisis statistik sesuai untuk menjawab soalan kajian?
Kuantitatif (tidak rawak)	QA1- Adakah peserta mewakili populasi sasaran? QA2- Adakah ukuran sesuai berkenaan kedua-dua hasil dan campur tangan (atau pendedahan)? QA3- Adakah terdapat data hasil yang lengkap? QA4- Adakah pengacau diambil kira dalam reka bentuk dan analisis? QA5- Semasa tempoh kajian, adakah intervensi ditadbir (atau ekspo pasti berlaku) seperti yang dimaksudkan?
Kaedah campuran	QA1- Adakah terdapat rasional yang mencukupi untuk menggunakan reka bentuk kaedah campuran untuk menangani persoalan kajian? QA2- Adakah komponen kajian yang berbeza disepadukan secara berkesan kepada menjawab soalan kajian? QA3- Merupakan output penyepaduan kualitatif dan kuantitatif komponen ditafsirkan dengan secukupnya? QA4- Adakah perbezaan dan ketidakkonsistenan antara keputusan kuantitatif atau kualitatif ditangani dengan secukupnya? QA5- Adakah komponen kajian yang berbeza mematuhi kriteria kualiti setiap tradisi kaedah yang terlibat?

Sumber: Alat Penilaian Kaedah Campuran (MMAT) (2018)

Berpandukan MMAT, penyelidik memeriksa setiap artikel yang dipilih. Pemeriksaan artikel dinilai berdasarkan lima kriteria melalui tiga pilihan untuk menjawab iaitu ya, tidak dan tidak boleh memberitahu. Kelulusan sebuah artikel berdasarkan memenuhi sekurang-kurangnya tiga kriteria. Semua keputusan bagi penilaian artikel dibuat dengan kesepakatan antara penyelidik dan bantuan melalui dua orang rakan penyelidik. Melalui proses ini, semua penyelidik bersetuju bahawa artikel yang dipilih telah lulus dengan mencapai kualiti minimum melalui kaedah dan analisis data. Sebanyak 13 artikel memenuhi kriteria, 13 artikel memenuhi sekurang-kurangnya empat kriteria dan 13 lagi artikel memenuhi sekurang-kurangnya tiga kriteria seperti yang dipaparkan di dalam jadual 4.

Jadual 4. Hasil penelitian kualiti

Pengarang	Kaedah Kajian	QA1	QA2	QA3	QA4	QA5	Bilangan kriteria dipenuhi	Kemasukan dalam ulasan
Intan Suria et al. (2022)	Kualitatif	/		/	/	/	4	/
Nor Hayati et al. (2023)	Kuantitatif	/	/	/		/	4	/
Normah et al. (2021)	Kuantitatif	/	/	/	/	/	5	/
Zi Kang & Kahar (2022)	Kuantitatif	/	/	/	/	/	5	/
Nurul Izzati & Maziana (2024)	Kuantitatif	/	/	/		/	4	/
Anas et al. & Hadijah (2021)	Kuantitatif	/	/	/	/	/	5	/
Mohamad Shukri et al. (2023)	Kuantitatif	/	/	/		/	4	/
Norsela et al. (2021)	Kuantitatif	/	/	/	/	/	5	/
Noorashikin et al. (2021)	Kuantitatif	/	/	/	/	/	5	/
Nur Angriani et al. (2023)	Kuantitatif	/	/	/		/	4	/
Rozita et al. (2022)	Kuantitatif	/	/	/		/	4	/
Diong et al. (2025)	Kualitatif	/		/	/	/	4	/
Yap et al. (2022)	Kualitatif	/	/	/	/	/	5	/

QA: Penilaian Kualiti

Pengekstrakan dan analisis data

Semua artikel yang dipilih dianalisis secara tematik. Analisis ini disemak mengikut reka bentuk kajian yang pelbagai. Menurut Braun dan Clarke (2019), analisis tematik merupakan satu bentuk analisis bagi mengenal pasti dan memaklumkan corak kajian sedia ada melalui pengesanan terhadap sebarang persamaan atau hubungan yang mempunyai keberangkalian wujud dalam data tersedia. Proses ulasan ini berpandukan cadangan oleh Kiger dan Varpio (2020). Pada peringkat permulaan, penyelidik akan membiasakan diri terhadap keseluruhan data set dengan pembacaan aktif dan berulang. Peringkat kedua memfokuskan kepada penjaan kod awal. Penyelidik akan membaca semua artikel yang dipilih serta mengekstrak sebarang data yang mempunyai perkaitan dengan persoalan kajian. Peringkat ketiga pula merupakan proses penjaan tema berdasarkan rangka kerja pengkodan induktif serta persamaan dan hubungan antara data yang diekstrak melalui data yang telah dikodkan. Hasil daripada proses ini, terdapat enam tema utama telah dibangunkan oleh penyelidik.

Hasil dan Perbincangan Kajian

Bagi melaksanakan analisis literatur sistematik secara menyeluruh terhadap kajian ini, tiga belas tinjauan literatur telah diambil sebagai instrumen yang menepati tema kajian iaitu kesan sukarelawan. Antara kajian lepas yang dipilih merupakan kajian daripada Intan Suria et al. (2022), Nor Hayati et al. (2023), Normah (2021), Zi Kang & Kahar (2022), Nurul Izzati & Maziana (2024), Anas dan Hadijah (2021), Mohamad Shukri (2023), Norsela et al. (2021), Noorashikin (2021), Nur Angriani et al. (2023), Rozita et al. (2022), Diong et al. (2025) dan Yap et al. (2022). Berdasarkan analisis artikel yang dipilih ini, terdapat enam tema yang dibangunkan iaitu pembangunan sahsiah, pembangunan kepimpinan, kemahiran insaniah, kesedaran sosial dan tanggungjawab sivik, kebolehpasaran serta nilai positif dalam diri.

Pembangunan Sahsiah

Penglibatan para pelajar dalam program sukarelawan dapat membantu membangunkan sahsiah para pelajar. Hal ini dapat dibuktikan dalam kajian Intan Suria et al. (2022), penglibatan aktiviti sukarelawan dapat membentuk jati diri, sikap tolong-menolong, keikhlasan dan kasih sayang dalam kalangan mahasiswa. Hasil temu bual bersama informan melalui kajian Nor Hayati (2023) turut menyatakan bahawa penglibatan mereka dalam aktiviti sukarelawan dapat memupuk pembangunan identiti, meningkatkan keyakinan diri dan memberi pengalaman yang tidak ternilai. Manakala Noorashikin et al. (2021) pula berpendapat bahawa aktiviti

sukarelawan dapat mewujudkan personaliti diri yang lebih bertanggungjawab serta memupuk nilai jati diri yang positif sehingga mampu memberi impak kepada interaksi sosial serta memberi manfaat terhadap masyarakat yang lain. Hal ini juga disokong oleh kajian Nur Angriani et al. (2023). Beliau berpandangan bahawa program sukarelawan merupakan suatu amalan yang mulia. Aktiviti sukarelawan ini memfokuskan kepada nilai-nilai seperti konsep perkongsian, kerjasama dan membantu orang lain.

Di samping itu, hasil kajian Normah dan Ain (2021) pula menunjukkan purata skor 4.80 dan sisihan piawai 0.40. Hal ini menunjukkan bahawa kesukarelawan boleh membantu para pelajar mengelak daripada terjebak dalam gejala yang tidak diinginkan. Pembangunan sendiri menjadi elemen penting yang dilihat oleh pelajar yang menyertai aktiviti sukarelawan dan diikuti oleh faktor sosial, kerjaya, perlindungan dan nilai (Mohamad Shukri & Nur Shahreen, 2023). Hal ini dapat disokong oleh kajian Zi Kang dan Kahar (2022) yang menunjukkan kecekapan sendiri individu mempunyai korelasi yang signifikan dengan motivasi untuk menjadi sukarelawan.

Model *Positive Youth Development* (PYD) merupakan sebuah kerangka teori yang memberi fokus kepada pembangunan potensi, kekuatan, nilai positif dalam diri berbanding memfokuskan kepada kelemahan individu (Lerner, 1995). Terdapat enam teras di dalam model ini iaitu kecekapan, keyakinan, perhubungan, perwatakan, penyayang serta penglibatan. Berdasarkan model ini, penyelidik meneliti kajian-kajian lepas dan mendapati bahawa aktiviti sukarelawan memberi peluang kepada pembangunan diri para pelajar universiti. Justeru, penglibatan yang berterusan mampu mengukuhkan sahsiah pelajar. Melalui model PYD, teras kecekapan dan perhubungan dapat dilihat melalui kemahiran interaksi sosial yang terhasil daripada aktiviti sukarelawan. Teras keyakinan dapat dibuktikan melalui peningkatan keyakinan diri para pelajar. Teras perwatakan pula melalui tingkah laku yang baik termasuklah tidak terjebak dengan tingkah laku tidak berfaedah. Pengukuhan teras penyayang dapat diperkukuh dengan menjadi lebih berempati pada persekitaran. Kesan aktiviti sukarelawan turut menyumbang kepada perkembangan teras penglibatan melalui nilai tanggungjawab untuk menyumbang bakti kepada komuniti.

Pembangunan kepimpinan

Aktiviti-aktiviti yang dilakukan sepanjang program sukarelawan dapat meningkatkan nilai kepimpinan dalam diri pelajar. Sebagai contoh, para pelajar berpeluang menjadi ketua pasukan seperti yang dinyatakan dalam kajian Rozita et al. (2022). Para pelajar berpeluang memimpin dan mengurus kumpulan dan membuat sesuatu keputusan dengan bijak. Menurut kajian Diong et al. (2025), hasil kajian menunjukkan para pelajar menyatakan bahawa servis pembelajaran dapat membantu mereka dalam membangunkan diri secara peribadi melalui pengalaman secara langsung dengan masyarakat. Manakala pengkaji Nur Angriani (2023) melihat kesan pelaksanaan program khidmat komuniti sebagai satu program yang berimpak sosial serta mampu mewujudkan kemahiran kepimpinan dan bekerja secara berpasukan.

Kesan terhadap pembangunan kepimpinan ini dapat dikaitkan dengan Model PYD (Lerner, 1995). Teras kompetensi terserlah apabila kajian-kajian lepas dapat membuktikan nilai kepimpinan akan terhasil seperti para pelajar menjadi ketua pasukan dalam aktiviti sukarelawan yang disertai. Hal ini juga dapat diperkukuhkan lagi melalui teori *Volunteer Functions Inventory* (VFI) (Clary et al. 1991). Antara perbincangan teori ini turut menjelaskan kesan langsung daripada penyertaan aktiviti sukarelawan melalui peningkatan nilai kepimpinan. Hal ini bertepatan dengan hasil SLR ini yang menunjukkan para pelajar mempunyai ruang untuk mengukuhkan nilai kepimpinan apabila menyertai aktiviti sukarelawan.

Kemahiran insaniah

Kemahiran insaniah merupakan nilai tambah kepada mahasiswa selain daripada cemerlang dalam bidang akademik. Hasil dapatan Intan Suria (2022) dan Norsela et al. (2021) menunjukkan bahawa penglibatan para pelajar dalam aktiviti sukarela dapat meningkatkan komunikasi berkesan, kerja berpasukan, kepimpinan, etika dan moral profesional, keusahawanan serta pengurusan maklumat dan pembelajaran berterusan. Mahasiswa turut menjadi lebih berani dan berdikari dan kreatif serta mampu menyelesaikan masalah apabila terlibat dalam program komuniti (Intan Suria, 2022).

Penglibatan para pelajar dalam aktiviti sukarelawan dapat meningkatkan kemahiran komunikasi dengan pelbagai golongan masyarakat. Hal ini dapat dibuktikan dengan dapatan kajian Diong et al. (2025) yang menyatakan aktiviti pembelajaran di lapangan dapat membantu mereka berinteraksi dan berkomunikasi dengan komuniti sebenar, membina perasaan empati serta dapat berinteraksi dengan pelbagai latar belakang. Pengkaji Nur Angriani et al. (2023) menyatakan bahawa aktiviti kemasyarakatan merupakan faktor utama dalam mengukuhkan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar. Hal ini kerana kebanyakan aktiviti sukarelawan di IPT mempunyai gabungan jalinan dengan pelbagai pihak seperti *non-government organization* (NGO), persatuan dan kelab.

Di samping itu, hasil kajian Normah dan Ain (2021) menunjukkan semua item dari aspek pembangunan kemahiran menunjukkan skor min pada tahap yang tinggi iaitu skor min di antara 3.67 hingga 5.00. Dengan skor min 4.82 dan sisihan piawai 0.43, item “membentuk kerja berpasukan yang baik” mempunyai skor min tertinggi daripada sembilan item yang lain. Penglibatan sukarelawan oleh mahasiswa ini berupaya membentuk pelbagai kemahiran sosial termasuklah kebolehan interpersonal atau kemahiran berinteraksi dengan orang lain. Pembangunan kemahiran insaniah sangat bersesuaian untuk dikaitkan dengan teori Volunteer Functions Inventory (VFI) (Clary et al. 1991). Teori ini bukan sahaja membincangkan motivasi sukarelawan tetapi setiap fungsi tersebut memberikan kesan tertentu terhadap individu yang menyertai aktiviti sukarelawan. Salah satu fungsi VFI ialah peningkatan sosial dan kerjaya. Hal ini jelas dapat dilihat melalui pengukuhan nilai insaniah para pelajar seperti kemahiran komunikasi, kemahiran berpasukan, kemahiran kepimpinan serta kemahiran sosial apabila melaksanakan aktiviti sukarelawan. Kajian-kajian lepas membuktikan bahawa para pelajar berupaya mengembangkan kemahiran insaniah seperti meningkatkan kemahiran berkomunikasi bersama komuniti serta menjadikan diri lebih kreatif dalam menyelesaikan sesuatu masalah.

Kesedaran sosial dan tanggungjawab sivik

Penglibatan para pelajar dalam aktiviti sukarelawan dapat menimbulkan kesedaran sosial dan tanggungjawab sivik. Dapatan kajian Diong et al. (2025) dan Yap et al. (2022) menunjukkan para pelajar menjadi lebih peka terhadap isu masyarakat, khususnya peka terhadap golongan tua, orang kurang upaya dan pelarian. Hasil dapatan Intan Suria (2022) serta Nurul Izzati dan Maziana (2024) turut menunjukkan bahawa mahasiswa menjadi peka terhadap isu masyarakat, mempunyai nilai empati dan memberi komitmen untuk membantu komuniti serta menyumbang tenaga kepada masyarakat seperti penglibatan diri dalam aktiviti gotong-royong dan bantuan bencana. Hal ini sependapat dengan pengkaji Nor Hayati (2023) yang menyatakan bahawa program sukarelawan dapat menerapkan nilai tanggungjawab terhadap masalah sosial yang berlaku dalam komuniti setempat.

Aktiviti sukarelawan bukan hanya tertumpu kepada aktiviti menyumbang tenaga malah tumpuan terhadap aktiviti-aktiviti kesedaran kepada masyarakat. Hasil dapatan kajian Nurul Izzati dan Maziana (2024) menunjukkan aktiviti seperti kempen kesihatan, ceramah gaya hidup sihat dan pembersihan pantai dapat meningkatkan nilai tanggungjawab sivik yang tinggi. Oleh itu, program SULAM (*Service- Learning Malaysia- University for Society*) yang disertai oleh pelajar dapat meningkatkan nilai kesedaran politik, keadilan sosial, kepekaan terhadap kepelbagaian serta tanggungjawab komuniti. Berdasarkan analisis kajian yang dilakukan oleh Norsela et al. (2021), kadar purata min tertinggi iaitu 3.30 diperolehi daripada item kemahiran membina hubungan. Hasil penglibatan para pelajar dalam aktiviti sukarelawan memberi peluang kepada mereka untuk menjalinkan hubungan dengan pelbagai lapisan masyarakat dan organisasi.

Di samping itu, pengkaji Nur Angriani (2023) menyatakan bahawa tanggungjawab sosial berupaya untuk mencapai matlamat dari aspek menjaga keperluan masyarakat, pemeliharaan alam sekitar serta membantu golongan yang kurang berkemampuan. Hal ini mempunyai pernyataan yang sama melalui kajian Normah dan Ain (2021) yang menyimpulkan bahawa program sukarelawan dapat menerapkan budaya yang penuh dedikasi dalam memberi khidmat bakti kepada masyarakat. Tanggungjawab sosial ini lahir daripada jiwa individu yang sanggup berkorban masa dan tenaga demi memastikan kesejahteraan komuniti terjamin. Hal ini dapat dikaitkan dengan teori yang berkaitan penglibatan sivik yang dibina oleh Verba (1995). Teori ini memfokuskan kepada proses yang membentuk individu tersebut supaya terdorong melakukan aktiviti

bersama komuniti seperti aktiviti sukarelawan. Proses ini melibatkan pendedahan para pelajar terhadap perkara yang sedang berlaku di dalam komuniti setempat. Hasil daripada pemerhatian apa yang sedang berlaku pula akan menimbulkan perasaan untuk mengetahui dan memahami persekitaran mereka. Kajian-kajian lepas yang telah dibincangkan dapat membuktikan bahawa wujudnya para pelajar yang peka terhadap keadaan yang sedang berlaku di komuniti sekali gus memupuk semangat membantu komuniti melalui aktiviti sukarelawan yang disertai.

Peningkatan kebolehpasaran

Pembangunan sahsiah dan kepimpinan menjadi keperluan kepada para pelajar untuk digunakan semasa alam universiti mahupun alam pekerjaan. Hasil dapatan kajian Diong et al. (2025) menyatakan bahawa aktiviti pembelajaran di lapangan dapat memperkukuhkan atribut graduan yang sangat digalakkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui program SULAM untuk memastikan kebolehpasaran graduan berada pada tahap tinggi. Penglibatan para pelajar dalam aktiviti sukarelawan dapat dijadikan sebagai langkah persediaan awal untuk melangkah ke alam pekerjaan. Hal ini dapat dibuktikan daripada dapatan kajian Yap et al. (2022) yang menyatakan bahawa penyertaan pelajar bersama komuniti dapat mengenal pasti kekurangan kemahiran klinikal dan meningkatkan persediaan kerjaya.

Di samping itu, aktiviti sukarelawan memberi nilai tambah ke dalam profil graduan seperti jaringan profesional, kebolehan berkomunikasi di khalayak, kepimpinan semasa bekerja serta keupayaan menyelesaikan konflik dan membuat keputusan (Norsela et al., 2021). Para majikan sangat menitikberatkan nilai kemahiran insaniah pelajar daripada keputusan akademik semata-mata. Seterusnya, aktiviti sukarelawan dapat mempersiapkan pelajar melangkah ke dunia pekerjaan dengan lebih baik, menjadikan lebih kompeten dan berketerampilan dalam bidang masing-masing (Intan Suria, 2022; Nurul Izzati & Maziana, 2024). Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Nor Hayati (2023), beliau berpendapat bahawa aktiviti sukarelawan bukan sahaja memberi kesan yang positif kepada masyarakat tetapi turut menyumbang kepada nilai tambah produktiviti pelajar yang boleh digunakan pada masa hadapan kelak. Hal ini juga berpandukan analisis kajian beliau yang menunjukkan skor min tertinggi terhadap item “Aktiviti kesukarelawanan meluaskan kenalan atau jaringan hubungan” melalui instrumen kesan melibatkan diri dalam aktiviti sukarelawan. Penglibatan diri dalam aktiviti sukarelawan memberi peluang kepada para pelajar untuk meningkatkan jaringan hubungan dengan pihak luar universiti dan mampu meningkatkan kebolehpasaran para pelajar. Kesan terhadap kebolehpasaran para pelajar juga dapat dihubungkan dengan teori Volunteer Functions Inventory (VFI) (Clary et al. 1998). VFI ini turut memberi fokus kepada pembangunan kerjaya individu yang menyertai aktiviti sukarelawan. Pengalaman di lapangan menjadi titik tolak kepada nilai tambah para graduan yang boleh dijadikan sebagai nilai tambah bagi persediaan menghadapi temuduga kerjaya.

Nilai positif dalam diri

Penglibatan diri dalam aktiviti sukarelawan mampu meningkatkan perasaan harga diri dan keyakinan diri. Mahasiswa yang aktif sebagai sukarelawan lazimnya dipengaruhi nilai keagamaan dan keprihatinan sosial yang mampu mencorakkan sahsiah terpuji (Nurul Izzati & Maziana 2024). Hasil temu bual bersama informan melalui kajian Nor Hayati (2023), hasil dapatan menunjukkan penglibatan dalam aktiviti sukarelawan dapat membangunkan nilai positif dalam diri mereka serta menjadikan landasan kepada hubungan yang baik bersama komuniti. Hal ini juga selari dengan hasil kajian Norsela et al. (2021). Hasil kajian menunjukkan bahawa komponen kemahiran membina hubungan mempunyai skor min yang tinggi.

Hal ini dapat disimpulkan bahawa para pelajar mempunyai nilai positif yang tinggi dalam membina hubungan tanpa mengira bangsa semasa melaksanakan aktiviti sukarelawan. Menurut Nur Angriani et al. (2023), penglibatan para pelajar bersama komuniti mampu membangunkan standard moral yang tinggi dan peningkatan nilai positif dan beretika dalam diri masing-masing. Berdasarkan rumusan kajian Anas dan Hadijah (2022), mahasiswa dapat membina hubungan positif, berinteraksi serta berkerjasama dengan berkesan bagi mencapai sesuatu matlamat selepas mengikuti aktiviti sukarelawan. Hal ini dibuktikan dengan analisis kajian beliau yang menunjukkan item nilai mempunyai skor min tertinggi terhadap kepuasan sukarelawan ($t=2.73$, $p<0.05$).

Berdasarkan kajian-kajian lepas ini, penyelidik dapat simpulkan bahawa sifat altruisme merupakan elemen penting dalam diri pelajar iaitu melakukan sesuatu untuk memberi manfaat kepada orang lain bukan untuk mendapatkan sesuatu ganjaran (Nagel, Thomas, 1970). Teori yang berkaitan altruisme seperti Teori Altruisme Empati (Batson et al., 1981) bersesuaian dengan pelaksanaan aktiviti sukarelawan yang mampu memberi kesan kepada pengukuhan sifat altruisme supaya membentuk nilai-nilai positif dalam diri pelajar. Hasil perbincangan ini dapat menunjukkan para pelajar dapat menerapkan sifat altruisme seperti nilai empati, bersifat terbuka yang mana tidak ada sikap diskriminasi kepada golongan tertentu serta mampu berinteraksi bersama komuniti.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, artikel ini telah meninjau kajian-kajian lepas serta membincangkan tema yang berkaitan dengan kesan program sukarelawan terhadap pelajar universiti. Berdasarkan pada tinjauan 13 artikel yang dipilih, enam tema terhasil iaitu pembangunan sahsiah, pembangunan kepimpinan, kemahiran insaniah, kesedaran sosial dan tanggungjawab sivik, kebolehpasaran serta nilai positif dalam diri. Penyelidik dapat simpulkan bahawa program sukarelawan memberi pelbagai kesan kepada para pelajar yang menyertai aktiviti sukarelawan. Kesan jangka panjang merupakan elemen yang perlu dipertimbangkan oleh semua pihak berkepentingan. Hal ini penting bagi memastikan para pelajar dapat membawa bekalan ilmu bagi menghadapi dunia sebenar pekerjaan serta kehidupan seharian. Penerapan pelbagai nilai yang diperoleh sepanjang mengikuti aktiviti sukarelawan pula dapat meningkatkan nilai kemanusiaan dalam diri masing-masing. Hal ini bagi menepis kenyataan bahawa generasi kini kurang melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan. Peranan pihak kerajaan dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) diperlukan bagi menyokong usaha pihak universiti dalam membudayakan kesukarelawanan dalam diri para pelajar. Justeru kerjasama antara organisasi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat sangat penting bagi meningkatkan kolaborasi bersama pihak universiti untuk memberi peluang kepada golongan pelajar menyertai aktiviti sukarelawan bersama komuniti. Oleh itu, tinjauan literatur sistematik ini memberi kesedaran kepada para pelajar terhadap manfaat-manfaat yang diperoleh melalui aktiviti sukarelawan. Penyelidikan mengenai bidang sukarelawan khususnya terhadap golongan pelajar perlu diperluas bagi melahirkan graduan holistik serta cakna terhadap isu kemanusiaan.

Penghargaan: Ribuan terima kasih diucapkan kepada barisan pensyarah Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia kerana sudi membimbing dalam menghasilkan penulisan artikel ini.

Konflik Kepentingan: Penyelidik tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan sepanjang menjalankan kajian ini.

Rujukan

- Anas & Hadijah. (2022). Motif Sukarelawan dan Kemahiran Insaniah Mahasiswa Khidmat Masyarakat. *International Journal of Social Science Research*, 4(1), 124-138.
- Azlina, Zurinah, Nur Hafizah & Filyntiana. (2022). Effect of Social Media Usage on The Lifestyles of Youth. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 19(4), 60-69. <https://doi.org/10.17576/EBANGI.2022.1904.04>
- Batson, C.D. Duncan, B.D, Ackerman, P., Buckley, T. & Birch, K. (1981). Is empathic emotion a source of altruistic motivation? *Journal of Personality and Social Psychology*, 40(2), 290-302. <https://doi.org/10.1037/0022-3514.40.2.290>
- Braun V., & Clarke V. (2019). Reflecting on reflexive thematic analysis. *Qual Res Sport Exerc Health*, 11(4), 589-597.
- Clary, E.G, Snyder, M., Ridge, R.D, Copeland, J., Stukas, A.A, Haugen, J. & Miene, P. (1998). Understanding and assessing the motivations of volunteers: A functional approach. *Journal on Personality and Social Psychology*, 74(6), 1516-1530. <https://doi.org/10.1037/0022-3514.74.6.1516>

- Clary, E.G & Snyder, M. A functional analysis of altruism and prosocial behavior: The case of volunteerism. In M. Clark (Ed.), *Review of Personality and Social Psychology*, 12, 119-148.
- Dean, B.P. (2005). *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi ke empat*. Kuala Lumpur.
- Diong, F.W, Cheah, P.K & Siah, P.C. (2025). Advancing Understanding of Service-Learning: A Case Study of A University in Malaysia. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 22(1), 117-139. . <https://doi.org/10.32890/mjli.2025.22.1.7>
- Intan Suria, Siti Aisyah, Mohamad Basri, Muhammad Ridhwan & Latun Azizah. (2022). Peranan Aktiviti Sukarela dalam Memupuk Kemahiran Insaniah Mahasiswa. *Jurnal Perspektif*, 14, 67-80. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol14.sp.6.2022>
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2022). Pelan Tindakan Pendidikan Tinggi Malaysia 2022-2025.
- Kiger M. E., & Varpio L. (2020). Thematic analysis of qualitative data: AMEE Guide No. 131. *Med Teacher*, 42(8), 846-854.
- Lerner, R.M (1995). The place of learning within the human development system: A developmental contextual perspective. *Human Development*, 38(6), 361-366. <https://doi.org/10.1159/000278342>
- Lockwood C., Munn, Z., & Porritt, K. (2015). Qualitative research synthesis. *Int J Evid Based Healthc* 13(3), 179-187.
- Mohamad Basri, Khairul Gufran, Mazdi, Muhammad Hasbi & Habibah. (2021). Keberkesanan Pendidikan Kesukarelawanan dalam Kalangan Pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Ke Arah Memperkasakan Nilai-nilai Insaniah. *International Journal of Education Psychology and Counselling* 6(39), 208-222. <https://doi.org/10.35631/IJEPC.6390014>
- Mohamad Shukri & Nur Shahreen. (2023). Exploring Satisfaction, Motivation and Challenges of Volunteering Among University Students. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 20(3), 24-33. <https://doi.org/10.17576/ebangi.2023.2003.03>
- Muhammad Audi & Suzana. (2024). Hubungan antara Ketagihan Telefon Pintar dan Persepsi Stres dalam Kalangan Pelajar Universiti. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, 21 (3), 461-470. <https://doi.org/10.17576/ebangi.2024.2103.35>
- Normah & Ain. (2021). Manfaat Penglibatan dalam Kesukarelawanan Terhadap Pembangunan Kemahiran Sosial dalam Kalangan Mahasiswa Persatuan Kelab Penyayang. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 15, 67-84. <https://doi.org/https://doi.org/10.22452/MJSA.vol15no2021.4>
- Nor Hayati, Mior Iskandar & Ahmad Fkrudin. (2023). Penglibatan Pelajar Politeknik (PNS, PSAS & PUO) dalam Aktiviti kesukarelawanan, Suatu Kajian Rintis. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 6(1), 11-26. <https://doi.org/10.35631/IJHPL.621002>
- Nor Shafikah & Norlaile. (2021). Pembinaan Kerangka Aktiviti Kesukarelawanan yang Berkesan oleh Mahasiswa di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Kampus Johor Bahru, Johor. *Jurnal Ilmi*, 11, 105-115.
- Noorashikin, Nur Fadhilah & Hanim. (2021). Semangat Kesukarelawanan: Kefahaman dan Penghayatan Pelajar Kolej Komuniti Ledang. *Jurnal Kejuruteraan, Teknologi dan Sains Sosial*, 7(2), 1-7.
- Norsela, Intan Rahimah & Nurul Ilyana. (2021). Hubungan Antara Kemahiran Generik dengan Aktiviti Sukarelawan dalam Kalangan Pelajar. *Jurnal Kejuruteraan, Teknologi dan Sains Sosial*, 7(2), 1-12.
- Nur Angriani, Mohd Zulhasnan & Raja Ahmad. (2021). Pelaksanaan Projek Tanggungjawab Sosial Meningkatkan Penghayatan Etika dan Peradaban Pelajar Politeknik Kota Kinabalu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(10), 1-11. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i10.2568>
- Nur Fatin, Mastura & Mohammad Saipol. (2021). Hubungan antara Empati dengan Tingkah Laku Prosocial dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan Universiti. *Sains Humanika*, 13(2), 33-42.
- Nurul Izzati & Maziana. (2024). The Impact of Service-Learning (SULAM) on Civic Attitudes and Skills of UTHM Student. *Online Journal for TVET Practitioners*, 9(2), 124-131. <https://doi.org/10.30880/ojtp.2024.09.02.010>
- Rozita, Nor Fadzlina, Azlina & Mohammad Adzly. (2022). The Motives Malaysia Volunteers Assign for Serving as Volunteering for SUKMA Games. *Malaysian Journal of Sport Science and Recreation*, 18(1), 36-48.

- Shaffril, H.A.M., Abu Samah, A., Samsuddin, S.F., & Ali, Z. (2019). Mirror-mirror on the wall, what climate change adaptation strategies are practiced by the Asian's fishermen of all? *J. Clean Prod.* 232, 104-177.
- Siti Sarawati, Noranifitri, Nor Shela & Harliana. (2023). Cabaran Psikologi Media Sosial Alaf 21. *Human Sustainable Procedia*, 3(2), 45-50.
- Thomas Nagel. (1970). *The Possibility of Altruism*. Princeton University Press. <https://doi.org/10.2307/j.ctt1ggjkt5>
- Verba, S., Schlozman, K., & Brady, H.E. (1995). *Voice and equality: civic voluntarism in American politics*. Harvard University Press.
- Wondimagegn.M, Teshome.S & Gudina.L. (2020). Method for conducting systematic literature review and meta-analysis for environmental science research. *Elsevier*, 7,1-11. <https://doi.org/10.1016/j.mex.2019.100777>
- Yap, A.X.W, Er, H.M, Ng, S.H & Nadarajah, V.D. (2022). Community Service and its Learning Values": Perception of Undergraduate Pharmacy Students. *Indian Journal of Pharmaceutical Education and Research*, 56(3), 673-680. <https://doi.org/10.5530/ijper.56.3.115>
- Zi Kang, T & Kahar, R. (2022). Self-Efficacy and Motivation to Volunteer among Undergraduate Students. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(12), 2004-2022. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBSS/v12-i12/16003>